

BAB 1

Pengenalan

1. PENDAHULUAN

Sektor penternakan merupakan salah satu daripada cabang-cabang pertanian selain tanaman makanan asas, buah-buahan, perikanan dan juga akuakultur. Semua cabang dalam tersenarai dalam bidang pertanian ini secara umumnya banyak menyumbang kepada asas pembentukan ekonomi Malaysia di dalam era selepas merdeka dengan peningkatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Perubahan drastik kerajaan kearah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar makanan halal utama di dunia serta pelaksanaan terhadap jaminan sekuriti makanan dalam negara, menggalakkan lebih pengeluar makanan dalam negara yang berasaskan ternakan memaksimumkan pengeluaran mereka. Selaras dengan itu, berkembanglah usahawan-usahawan kecil dan sederhana yang memulakan 'langkah pertama' untuk menjalankan apa jua bentuk perniagaan di samping meningkatkan kemahiran dan taraf hidup khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Bidang pertanian khususnya penternakan tidak tertumpu kepada golongan petani sahaja tambahan pula bidang ini tidak menghadkan kepada sesiapa pun

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

untuk terus menerokanya. Sekadar meminati bidang penternakan sahaja tidak mencukupi tetapi hendaklah merealisasikan dengan tindakan selanjutnya sehingga tercapainya matlamat pengusaha untuk mendapatkan keuntungan dan menyahut seruan kerajaan. Maka dengan itu, kami memilih bidang ini sebagai matlamat perniagaan kami kerana bidang ini dilihat berdasarkan pengalaman kebanyakan usahawan, mempunyai potensi yang tinggi untuk meningkatkan taraf hidup di samping dapat menjalankan perniagaan sendiri.

Untuk mendalami bidang ini dengan lebih terperinci dan mencapai matlamat perniagaan, para usahawan atau penternak haruslah mempunyai pengetahuan asas dalam bidang yang mereka ceburi. Tanpa pengetahuan asas, segala perjalanan proses penternakan akan menemui jalan buntu lantaran mengundang risiko kerugian yang besar dan ini adalah amat buruk dan patut dielakkan.

Atas dasar inilah banyak institusi-institusi dan pusat-pusat latihan ditubuhkan untuk memberi pendedahan kepada bakal penternak mengenai kaedah, proses dan sebagainya tentang penternakan. Setiap usahawan ternakan haruslah memikirkan cara untuk memaksimumkan keuntungan mereka di samping menjaga kebajikan sosial kerana peranan mereka dalam sektor pengeluaran makanan amat besar terutamanya sumbangannya kepada negara.

1.1 PENGENALAN INDUSTRI TERNAKAN PUYUH PEDAGING

Puyuh Jaya Utara merupakan syarikat perkongsian kami yang akan didirikan di daerah Kuala Nerang, Alor Setar Kedah adalah seluas 6 ekar. Kami menyediakan perkhidmatan ternakan serta menjual daging puyuh yang telah diproses ke pasaran tempatan.

Secara umumnya, Penternakan puyuh telah lama dipelihara oleh penternak puyuh tempatan. Hasil utama penternakan ini adalah telur puyuh yang telah sedia ada pasaran tersendiri dan terhad. Pengeluaran daging untuk dimakan adalah dari hasil sampingan penternakan puyuh penelur ini. Puyuh jantan yang tidak diperlukan untuk pengeluaran telur akan diproses dan dijual . Begitu juga puyuh-puyuh penelur yang tua akan diproses dan dijual sebagai daging puyuh. Bagi penternak khusus untuk pengeluaran daging puyuh didapati menggunakan puyuh jenis penelur. Walaupun demikian ada juga terdapat pemeliharaan dari jenis puyuh berbadan besar dari baka yang diimport.

Penternakan puyuh masih di tahap kecilan kerana ramai yang menganggap penternakan ini susah untuk mencapai ke tahap komersil. Kebanyakan penternakan puyuh mengamalkan cara penternakan yang tradisional. Pembekalan anak puyuh adalah sangat terhad. Punca anak puyuh adalah sama ada dari ladang sendiri atau dibeli dari penternak lain

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

yang mempunyai penternakan puyuh baka. Kebanyakan penternak puyuh tempatan menggunakan satu jenis puyuh untuk pengeluaran telur dan daging. Penternak baka induk puyuh menggunakan sistem pembiakan kaedah pusingan di mana anak menggantikan induk. Apabila stok induk telah tua dan perlu diganti maka penternak ini akan mengambil telur-telur dari stok ini untuk ditetaskan dan kemudian dijadikan stok induk. Cara penternakan ini telah berjalan dengan lamanya dan didapati hasil pengeluaran dan prestasi puyuh semakin merosot atau tiada perubahan.

Bagi maksud pembangunan industri ini, pengkhususan pemeliharaan amatlah penting dijalankan. Pengusaha puyuh perlu menggunakan baka yang sesuai bagi maksud pengeluaran sesuatu komoditi puyuh. Bagi tujuan pengeluaran daging puyuh, penggunaan baka jenis yang berbadan besar dengan efisiensi pengeluaran yang baik hendaklah digunakan dan amat disyorkan. Pembekalan baka yang bermutu perlu dilestarikan untuk menjamin efisiensi pengeluaran dapat membawa industri ini ke tahap yang lebih menguntungkan. Atas inisiatif tersendiri, Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga turut mengeluarkan puyuh yang berkualiti dengan jenama PUYUH IKTA yang sedang dipergiatkan pengeluarannya oleh pengusaha puyuh baka pedaging. PUYUH IKTA yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dari Institut Kemajuan Ternakan Ayam merupakan puyuh jenis pedaging (dari jenis *Coturnix japonica*). Puyuh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan menjalani pembiakan yang terkawal bagi menjamin peningkatan prestasi.

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Pengambilan daging puyuh masih di tahap yang rendah kerana pendedahan masyarakat ke atas daging puyuh masih terhad. Langkah-langkah memperkenalkan komoditi ini kepada orang ramai sedang giat dijalankan dan dijangka pengambilan ke atas daging puyuh ini akan meningkat.



Gambar menunjukkan jenis puyuh yang ditenak

VISI SYARIKAT

Ingin menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa dalam sektor industri daging puyuh setanding dengan industri daging yang lain seperti daging ayam, daging arnab dan sebagainya didalam bentuk yang pelbagai.

MISI SYARIKAT

- Ingin menembusi pasaran tempatan dalam tempoh 5 tahun akan datang.
- Syarikat juga mahu membuka ladang penternakan di setiap negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.
- Mencari peluang pemasaran di luar Malaysia iaitu Asia Tenggara.
- Ingin mencapai tahap Syarikat antarabangsa dengan mewujudkan francais di luar daripada Asia Tenggara seperti China, Eropah dan Timur Tengah.
- Ingin mencapai tahap ISO demi keyakinan pengguna terhadap produk burung puyuh.

OBJEKTIF SYARIKAT

- Menternak puyuh dengan cara lading tertutup untuk mengelakkan jangkitan penyakit daripada haiwan lain.
- Menghasilkan sendiri baka untuk ditenak bagi menjimatkan kos.
- Membesarkan lading ternakan dan menjadi syarikat yang berdaya maju..
- Mempromosikan daging puyuh kepada orang ramai dengan mencetak risalah serta mengadakan ceramah berkenaan dengan daging puyuh.
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada bumiputera.

1.2 ANALISIS SWOT SYARIKAT

Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Halangan Komoditi Puyuh


<p>Kekuatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sumber makanan berkhasiat tinggi • Cita rasa baru • Sama penggunaan dengan daging ayam • Cepat pulangan modal • Masa pemeliharaan yang singkat • Tidak perlu kawasan besar • Ada bekalan anak puyuh berkualiti tinggi • Galakan dari kerajaan • Permintaan yang tinggi. 	<p>Kelemahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bekalan anak terhad. • Bekalan daging tidak mencukupi. • Promosi belum meluas. • Sistem pengedaran tidak teratur. • Sistem pemasaran yang terhad. • Penjualan berlainan gred. • Penternakan secara kecilan. • Sistem pengurusan yang kurang efisien
<p>Peluang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membesarkan pengeluaran ladang. • Menggalakkan pengambilan daging puyuh. 	<p>Halangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak dapat diterima oleh pelanggan. • Bersaing dengan pasaran daging yang lain.

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

<ul style="list-style-type: none">• Integrasi penternakan.• Memperkenalkan sebagai produk baru.• Mengeksploitasi aktiviti hiliran daging puyuh.• Menjanakan sistem peredaran dan pemasaran yang sempurna.	<ul style="list-style-type: none">• Harga yang tinggi
--	---


1.3 STRUKTUR ORGANISASI SYARIKAT

1.3.1 CARTA LEMBAGA PENGARAH





1.3.2 CARTA PENGURUSAN



1.4 PERIHAL PROJEK

Dari tinjauan yang dibuat didapati struktur penternakan puyuh ini sangat kompleks kerana terdapat beberapa kategori ladang yang terlibat

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

dengan penternakan puyuh ini. Rajah 1.9.1 menunjukkan jenis pengusaha puyuh mengikut kategori di Malaysia. Ada pengusaha yang terlibat dengan pengeluaran anak untuk kegunaan daging dan telur. Terdapat juga pengusaha yang menternak puyuh dari jenis pedaging dan penelur. Walaupun demikian pengusaha puyuh pedaging adalah tertinggi dan merupakan 60% dari jumlah penternak. Penternakan yang mempunyai baka induk dan kemudahan penetasan adalah sebanyak 30 % dari jumlah penternak. Penternak dari kategori ini berperanan membekalkan keperluan anak puyuh kepada industri. Negeri-negeri seperti Perak dan Kelantan mempunyai bilangan pengusaha puyuh yang tertinggi.

Pecahan pengusaha mengikut saiz penternakan adalah seperti di Rajah 1.9.2. Seramai 23 % dari jumlah keseluruhan pengusaha mempunyai populasi penternakan kurang dari 1000 ekor. Saiz ladang yang terbanyak adalah diantara 1000 - 3000 ekor. Hanya 12% penternak yang mempunyai saiz ladang melebihi 10,000 ekor. Dari maklumat ini didapati kebanyakan pengusaha ternakan puyuh adalah secara kecil sahaja.

Rajah 1.9.1 : Penternak puyuh mengikut kategori di Malaysia.

	Kategori Pengusaha	Bil.Penternak
1.	Puyuh pedaging komersil	38

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

2.	Puyuh pedaging dan penelur komersil	7
3.	Baka pedaging/ penetasan/ pedaging dan penelur komersil	9
4.	Baka pedaging/ penelur/ penetasan/ pedaging dan penelur komersil	10

Rajah 1.9.2 : Saiz ladang ternakan puyuh di Malaysia

Saiz Ladang	Bilangan Penternak
kurang dari 1,000 ekor	25
1,000 - 3,000 ekor	41
3,000 - 5,000 ekor	16
5,000 - 10,000 ekor	12
lebih dari 10,000 ekor	14

1.10 UNJURAN DAN SASARAN PENGELUARAN

Adalah dijangkakan industri ternakan puyuh akan berkembang dengan lebih pesat lagi apabila penternakan ini dikomersilkan dengan

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

pengeluaran yang lebih tinggi dan dapat memenuhi keperluan pasaran. Segala galakan dan promosi akan diadakan bagi maksud pendedahan pengguna kepada daging puyuh ini. Anggaran unjuran pengeluaran adalah seperti di Rajah 1.10.1

Rajah 1.10.1 : Unjuran pengeluaran daging puyuh

Tahun	Pengeluaran daging puyuh (tan metrik)
1998	950
2000	1,140
2002	1,380
2004	1,670
2006	2,030
2008	2,450
2010	2,970

BAB 2

PERANCANGAN PROJEK

2.0 PERANCANGAN PROJEK

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Perancangan adalah amat penting bagi memulakan sesuatu projek. Perancangan yang teliti akan menentukan samada sesuatu projek yang akan dijalankan itu berjaya atau tidak dan ianya perlu selaras dengan objektif projek. Berdasarkan objektif syarikat ini iaitu ingin menjadikan projek ini adalah salah satu projek yang cukup berdaya maju. Oleh itu bagi mencapai tujuan ini, pelbagai aspek perlu ditekankan dan diambil perhatian agar perancangan projek mencapai sasaran matlamat.

2.1 Pembinaan Ladang

Pemeliharaan puyuh pedaging tidak memerlukan kawasan yang besar. Ini adalah kerana saiz puyuh jauh lebih kecil dari penternakan binatang ternakan lain seperti ayam. Walaupun demikian keperluan pemeliharaan adalah lebih kurang sama dengan penternakan ayam. Kawasan penternakan hendaklah mengikut perundangan negeri terlibat. Sebagai contoh, bagi negeri Johor penternakan puyuh memerlukan lesen mengikut keperluan Enakmen Industri Ternakan Negeri Johor.





Contoh bangsal yang digunakan untuk ternakan puyuh

Didalam pemilihan tapak kawasan penternakan sebaiknya kawasan ladang hendaklah jauh dari kawasan perumahan dan ladang-ladang binatang ternakan yang lain. Kawasan hendaklah bebas dari banjir dengan mempunyai kemudahan jalan bagi pengangkutan barangan dari luar ke ladang dan sebaliknya. Tanah berbukit tiada halangan kecuali perlu diratakan bagi setiap kawasan bangsal yang perlu didirikan. Kawasan yang mempunyai peredaran udara yang baik perlu diambil kira didalam pemilihan kawasan.


Keperluan bangsal adalah tertakluk kepada kumpulan ternakan atau kekerapan pengeluaran puyuh pedaging. Sebagai contoh, bagi pengusaha yang hendak mengeluarkan puyuh pedaging seminggu sekali keperluan bangsal hendaklah sekurang-nya lapan. Ini berdasarkan sistem penternakan

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

sekali gus masuk sekali gus keluar (*all in all out*) bagi setiap bangsal. Begitu juga bagi keperluan kawasan. Saiz bangsal untuk memuatkan 10,000 ekor puyuh adalah 50 kaki lebar x 50 kaki panjang. Berikan jarak sekurangnya 15 meter antara 2 bangsal. Kawasan penternakan perlu dipagar untuk mengelakan gangguan dari ternakan atau binatang lain. Puyuh masih lagi mempunyai sifat terkejut dan '*excitability*' yang boleh menjejaskan prestasi.


Bagi penternakan puyuh pedaging pada lazimnya pengusaha digalakan menjalankan aktiviti sembelihan dan menjual puyuh secara bersih proses. Dengan cara ini pengusaha diperlukan mengadakan loji pemprosesan sendiri. Loji ini hendaklah berjauhan dari kawasan penternakan. Bangunan yang diperlukan bergantung kepada jumlah pemprosesan yang hendak dijalankan. Bilik sejuk atau peti sejuk perlu diadakan untuk penyimpanan stok puyuh proses.

Rajah 2.0.1 Susunatur kompleks ladang ternakan burung puyuh



Laluan \

masuk /



BAB 3

PENGURUSAN

3.0 Sistem Pengurusan

Aspek pengurusan amatlah penting dalam pelaksanaan sesuatu projek yang dirancang. Bagi ternakan burung puyuh, sistem pemeliharaan sangkar seperti “semua sekali masuk dan semua sekali keluar” (*all in all out*) banyak digunakan oleh kebanyakan pengusaha puyuh pedaging. Dengan sistem ini, satu peringkat umur puyuh berada didalam satu bangsal. Manakala sistem pengurusan adalah lebih sempurna dengan kaedah kawalan penyakit yang baik.

3.1 Bekalan anak puyuh

Puyuh yang digunakan untuk pengeluaran daging adalah *Japanese quail* (*Coturnix japonica*). Bekalan anak puyuh untuk pedaging dari pengusaha tempatan lazimnya dari jenis penelur. Akan tetapi ada terdapat penternak puyuh baka yang menggunakan puyuh berbadan besar yang diimport dari negara luar. Dari segi rupa dan diskripsi kedua puyuh jenis pedaging dan penelur adalah dari jenis yang sama. Bezanya adalah bagi kegunaan pengeluaran daging puyuh ini telah menjalani pemilihan dan pembiakan untuk menghasilkan daging yang lebih. Jabatan Perkhidmatan

Haiwan dari Institut Kemajuan Ternakan Ayam telah menghasilkan puyuh jenis pedaging (dari jenis *Coturnix japonica*) hasil dari pemilihan dan pembiakan yang dijalankan.



Contoh anak puyuh yang diperolehi dari pengusaha puyuh baka

3.2 Pengurusan Penternakan

3.2.1 Peringkat Perindukan

Dalam sistem pemeliharaan burung puyuh ini, anak puyuh dari umur dari 1 hingga 10-14 hari anak puyuh akan ditempatkan dalam dua reban yang memuatkan 50 sangkar yang mempunyai empat tingkat. Setiap sangkar dilengkapi dengan mentol lampu sebagai alat pemanas. Sebanyak 10,000 ekor anak puyuh ditempatkan dalam satu sangkar yang mempunyai empat tingkat. Luas sangkar ialah 2'x 4'x 8' yang boleh memuatkan sebanyak 250 ekor anak puyuh bagi setiap tingkat, ini bermakna satu sangkar mempunyai 1000 ekor anak puyuh. Kami mempunyai 50 sangkar perindukan untuk memuatkan 50,000 ekor anak puyuh bagi satu-satu masa. Pemberian haba perlu dikawal mengikut kepanasan semasa. Sekeliling

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

bangsal ditutup dengan bidai bagi mengelakkan kemasukan udara sejuk dari luar tanpa kawalan. Bekas minuman 0.5 gelen untuk 250 ekor anak puyuh ditempatkan di dalam sangkar selama masa perindukan. Palung makanan berukuran 30.5 x 30.5 x 2.52 sentimeter digunakan untuk 250 ekor anak puyuh semasa perindukan. Makanan dan minuman diberi tanpa had.

Anak puyuh perlu dimasukkan kedalam bangsal sebaik sahaja sampai di ladang. Penangguhan akan menyebabkan anak puyuh menjadi lemah dan mengakibatkan kematian yang tinggi. Pengurusan perindukan amatlah penting kerana kegagalan memenuhi kehendak anak puyuh mengakibatkan peratus kematian yang tinggi dan kadar pembesaran yang terencat. Perindukan adalah pemeliharaan anak puyuh dengan menjaga keperluan suhu dan peredaran serta pengudaraan yang sempurna. Keperluan suhu yang sesuai adalah 35 - 36°C pada 3 hari pertama. Selepas itu suhu didalam bilik boleh dikurangkan mengikut keadaan hari. Pemberian haba tamat pada hari ke 10.

Pengurusan yang paling baik adalah dengan mengikut keperluan anak puyuh dan keadaan cuaca pada hari berkenaan. Suhu yang rendah mengakibatkan kematian puyuh kerana bertindih. Manakala suhu yang terlalu tinggi akan menyebabkan kematian kerana tekanan kepanasan. Tempoh perindukan adalah 10 ke 14 hari. Air bersih hendaklah diberikan setiap hari. Guli-guli kaca ditempatkan didalam bekas minuman bagi mengelakkan anak puyuh mati lemas. Bekas minuman dan guli-guli perlu

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

dibersihkan setiap hari. Pemberian makanan dilakukan setiap hari. Tentukan jumlah makanan yang diisikan kedalam bekas mencukupi dan tidak membazirkan hanya makanan yang bersih diberikan. Anak-anak puyuh yang mati mesti dikeluarkan setiap hari dan dibuang. Pemberian antibiotik boleh diberikan mengikut keadaan. Pengusaha dinasihatkan berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mendapatkan nasihat penggunaan ubatan.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, kebanyakan pengusaha mendapatkan bekalan anak puyuh daripada pengusaha puyuh baka. Kadar harga yang dikenakan didapati sangat berbeza diantara negeri-negeri dan di dalam kawasan sesebuah negeri. Rajah di bawah menunjukkan harga penjualan anak puyuh mengikut negeri.

Harga Penjualan Anak Puyuh Pedaging Komersil

Negeri	Harga Anak puyuh Pedaging (sen / ekor)
Johor	40
Kedah	30
Kedah	30,40,50,60,100
Kelantan	30,35,50
Negeri Sembilan	40

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Pahang	50
Perak	35,40
Terengganu	35,40
Sarawak	55,100
WP Labuan	80

Perbezaan harga kerana berikut :

- i. ada pengusaha menjual anak puyuh melebihi umur sehari.
- ii. kos pengeluaran yang berbeza.
- iii. jenis puyuh yang berbeza (antara puyuh pedaging dan penelur).

3.2.2 Peringkat Pembesaran

Di dalam sistem pemeliharaan pada peringkat pembesaran, anak puyuh akan dipindahkan selepas berumur 10-14 hari ke sangkar pembesaran seterusnya berada sepenuhnya di situ sehingga dijual. Kami menggunakan tiga reban seluas 50'x50' yang boleh memuatkan 100 sangkar lima tingkat. Selepas perindukan bekas minuman yang sama saiz semasa peringkat perindukan digunakan untuk menampung 100 ekor puyuh setiap satu tingkat yang berukuran 3'x 1.5'x 8' dan palung makanan gantung digunakan untuk 100 ekor puyuh setiap satu. Makanan perlu diberikan sentiasa tanpa had untuk menentukan pembesaran yang cepat. Tentukan air

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

yang bersih diberikan. Elakan dari gangguan luar semasa pembesaran puyuh ini. Masa tamat pemeliharaan adalah apabila umur puyuh mencapai 42 hari. Pada ketika ini berat badan hidup puyuh adalah purata 290 gram seekor. Sila lihat di bahagian Lampiran untuk piawaian puyuh pedaging. Puyuh akan ditangkap dan dihantar untuk diproses secepat mungkin. Perlu ditekankan disini bahawa kelewatan untuk menjual puyuh akan menyebabkan puyuh mencapai umur kematangan seksual (mengeluarkan telur) dan ini akan menjejaskan kualiti daging. Lazimnya umur kematangan seksual adalah 45 hari.

Bagi sistem pemeliharaan di dalam kotak kayu khas, selesai sahaja tempoh perindukan, plastik penutup atau guni hendaklah dibuka. Begitu juga dengan kepong di bangsal. Kertas alas hendaklah dibuang dan puyuh dibesarkan di atasnya. Bekas minuman masih digunakan dan ditempatkan didalam kotak manakala palung makanan hendaklah digunakan untuk pemberian makanan. Palung makanan hendaklah digantung disebelah luar kotak untuk kemudahan pemberian makanan. Satu petak boleh membesarkan sehingga 40 ekor puyuh pedaging. Kebanyakan penternak menggunakan kotak kayu bertingkat untuk tujuan pembesaran. Gambarajah di bawah menunjukkan contoh kotak pembesaran. Puyuh akan dibesarkan didalam kotak ini sehingga diproses. Palung minuman dan makanan digantung diluar kotak. Bilangan puyuh yang boleh ditempatkan didalam satu petak atau tingkat bergantung kepada ukuran kotak. Lazimnya

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

hendaklah diberikan keluasan lantai sebanyak 209 sentimeter persegi seekor.

Puyuh diberi makanan dari jenis '*Quail Starter mash*' atau Makanan Permulaan Puyuh. Tentukan pengusaha menggunakan makanan jenis ini untuk memastikan pembesaran yang cepat. Di lapangan banyak pengusaha puyuh pedaging tempatan tidak menggunakan makanan dari jenis ini. Makanan permulaan ayam pedaging digunakan dengan meluas bagi memberi makan puyuh pedaging. Keadaan ini berlaku kerana syarikat pembuat makanan ternakan tidak menjual makanan puyuh pedaging kerana volume yang kecil. Walau bagaimanapun, pengusaha besar boleh mendapatkan makanan puyuh pedaging dengan rundingan terus kepada pengeluar makanan.

Teknik pemberian makanan adalah seperti berikut:-

1. Jenis makanan yang boleh digunakan ialah:

A. *Quail Starter Mash* serta *Quail Finisher Pellet* atau

B. *Broiler Starter Mash* atau *Broiler Starter Crumblers* atau

Broiler

Finisher

Pellet.

Keperluan Zat Makanan Untuk Puyuh Pedaging:

Tenaga = 2600 - 3200 ME

Protien Kasar = 24 - 25 %

2. Cara Pemberian

Cara Pertama

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

- 1 hari - 14 hari - *Quail starter Mash*
- 15 hari hingga jual - *Quail Finisher Pellet*

Cara Kedua

- 1 hari hingga jual - *Broiler Starter Mash/Crumbles* atau
- *Quail Starter Mash*

Cara Ketiga

- 1 hari hingga 21 hari - *Broiler Starter Mash*
- 22 hari hingga jual - *Broiler Finisher Pellet*



Bekalan makanan puyuh yang disimpan di dalam setor penyimpanan

3.3 Kesihatan

Puyuh pada kebiasaannya mempunyai daya ketahanan terhadap penyakit tetapi ia juga boleh dijangkiti penyakit-penyakit yang biasa terdapat pada unggas yang lain. Penyakit-penyakit puyuh yang spesifik adalah seperti *Ulcerative Enterititis* dan *Quail Bronchitis*. Kecederaan kerana sifat pemangsa sejenis, keadaan '*flighty behaviour*' dan pergaduhan kerana perebutan kedudukan sosial merupakan salah satu sebab utama kematian. Pengusaha adalah dinasihatkan supaya berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mendapatkan makluman dan panduan keatas penyakit puyuh dari masa ke semasa.

3.4 Pengurusan Alam Sekitar

Pengusaha penternakan puyuh pedaging adalah dinasihatkan supaya mematuhi segala peraturan dan undang-undang berkaitan dengan penternakan. Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam penternakan puyuh adalah seperti masalah lalat, berbau busuk dan melepaskan air buangan ladang kedalam sungai. Adalah menjadi satu kesalahan bagi pengusaha untuk melanggar apa-apa peraturan yang terkandung didalam undang-undang alam sekitar. Pengusaha adalah dinasihatkan untuk mendapat maklumat yang lebih jelas dari Jabatan alam sekitar berhampiran di negeri masing-masing.

3.5 Amalan Pengurusan Penternakan Yang Baik.
(Good Animal Husbandry Practices - GAHP)

Cara penternakan yang diamalkan sekarang jauh dari yang dikehendaki untuk memenuhi keperluan pelanggan masakini. Penternak harus menitikberatkan sistem pemeliharaan yang disyorkan bagi menjamin kehendak pelanggan (pengeluaran hasil yang bersih) dan pulangan keuntungan yang optimum. Mengamalkan GAHP meningkatkan keyakinan keatas kebersihan dan keselamatan makanan dan ini dapat meningkatkan perniagaan luar dan dalam negeri.

3.6 Kedudukan ladang

Ciri-ciri yang baik didalam memilih tempat untuk penternakan puyuh adalah seperti berikut :

- a. Ladang hendaklah jauh dari kawasan perkampungan.
- b. Jauh dari ladang unggas yang lain.
- c. Mempunyai jaringan jalanraya untuk kemudahan pengangkutan barang-barang input dan output.
- d. Tanah yang mendatar tetapi tidak mudah dinaiki air.
- e. Kawasan yang mempunyai peredaran udara yang baik.

3.7 Perumahan

Perumahan bagi penternakan puyuh pedaging mementingkan keselesaan dari alam sekitar dan keselamatan dari pemangsa. Puyuh amat sensitif keatas kedua perkara tersebut. Dimensi bangsal terpulung kepada saiz penternakan yang hendak dijalankan. Beberapa perkara harus dipatuhi untuk menjamin pengeluaran yang maksimum.

- a. Tentukan paksi panjang mengikut arah timur/barat. Ini menentukan cahaya matahari tidak banyak dapat memasuki bangsal yang boleh mengakibatkan kenaikan suhu didalam bangsal.
- b. Jarak antara bangsal hendaklah jangan kurang dari 15.38 meter untuk menjaga dari perebakan penyakit dari bangsal kebangsal.
- c. Tentukan kedudukan bangsal tidak dihalangi oleh pokok pokok besar atau bangunan yang boleh menghalang peredaran udara yang sempurna. Elakan kawasan yang lembab.
- d. Lebar bangsal dihadkan sehingga 12.3 meter sahaja.
- e. Panjang bangsal bergantung kepada kontour tanah dan sistem peralatan yang digunakan.
- f. Gunakan atap bangsal diperbuat dari aluminium.
- g. Tepi bangsal perlu ditutup dengan dawai atau setaraf untuk mencegah kemasukan burung atau pemangsa.
- h. Lantai bangsal mesti disimin untuk kebersihan dan kesenangan pengurusan.

- i. Peparitan sekeliling bangsal perlu ada untuk mengalirkan air dari hujan ke parit besar.

3.8 Pembersihan Bangsal

Setelah tamat pemeliharaan sekumpulan puyuh maka kebersihan bangsal perlu dijalankan dengan segera. Ini adalah untuk menjamin bangsal bersih dari kekotoran dan kuman serta virus penyakit untuk kumpulan puyuh seterusnya. Program kebersihan bangsal adalah seperti berikut :

- a. Keluarkan sampah sarap lama/najis
- b. Keluarkan dan cuci peralatan makanan
- c. Bersih bekas minuman dan servis bekas minuman automatik.
- d. Lakukan semburan racun serangga termasuk kawasan bumbung. Gunakan bancuran mengikut syor dan peraturan pembekal.
- e. Pembasuhan bangsal dengan menggunakan air. Penggunaan '*High pressure sprayer*' amat digalakan.
- f. Lakukan semburan racun pembasmi kuman. Gunakan bancuhan mengikut syor dan peraturan pembekal.

3.9 Persiapan Penerimaan Anak Puyuh

Sekeliling bangsal perlu ditutup dengan '*polyethelene sheets*' bagi mengelakan kemasukan angin sejuk dari luar. Hanya 3/4 ketinggian tepi bangsal yang perlu ditutup. Ketaman kayu atau bahan setaraf yang boleh menyerap air dan selamat digunakan setebal 7.6 sentimeter hendaklah

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

dialaskan keatas lantai. Kebanyakan peralatan ternakan puyuh adalah sama dengan peralatan ternakan ayam . Bulatan untuk perindukan 1000 ekor anak puyuh serta peralatan perindukan hendaklah disediakan sebelum ketibaan anak puyuh.

Bagi sistem menggunakan kotak khas, sekeliling bangsal perlu juga ditutup. Gunakan kertas dari jenis '*corrugated paper*' untuk dijadikan alas lantai didalam kotak. Tempatkan lebih kurang 100 ekor anak puyuh untuk perindukan bagi setiap petak. Sediakan air dan makanan sebelum kemasukan anak puyuh.

3.10 Penangkapan Puyuh untuk Diproses.

Apabila umur puyuh telah mencapai umur jual maka puyuh hendaklah ditangkap dan dimuatkan kedalam bakul untuk penghantaran ketempat pemprosesan. Penangkapan perlu dijalankan dengan baik untuk mengelakkan kecederaan puyuh. Puyuh-puyuh sebelum disembelih diberhentikan pemberian makanan sekurang-kurangnya 12 jam sebelum ditangkap. Cara ini bukan sahaja menjimatkan kos makanan tetapi menjamin pemprosesan yang bersih dari sisa makanan dan najis. Penangkapan hendaklah dijalankan dengan cepat dan elakkan puyuh terperanjat. Bagi kami yang menggunakan system sangkar urusan penangkapan adalah lebih mudah. Ini kerana puyuh-puyuh tersebut berada di dalam sangkar. Tangkap puyuh secukupnya dan dipegang dibahagian kaki puyuh. Muatkan kedalam bakul dengan memasuki kepala dahulu. Masukkan secukupnya bilangan puyuh kedalam bakul dan elakkan dari kesesakan.

3.11 Pemprosesan Puyuh

Puyuh yang telah sampai ketempat pemprosesan perlu diproses secepat mungkin. Bakul-bakul puyuh hendaklah ditempatkan didalam kawasan khas yang disediakan untuk pemungghahan. Kebersihan perlu dijaga semasa melakukan penyembelihan. Keadah penyembelihan mengikut kehendak hukum Islam perlu dilaksanakan. Teknik penciluran dan

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

pembuangan bulu dijalankan dengan baiknya untuk mengelakkan berlaku kerosakan keatas daging seperti patah kaki, koyak kulit atau hancur. Tentukan pembuangan isi perut dilakukan dengan sempurna sehingga bersih. Paru-paru mesti dikeluarkan. Puyuh yang siap diproses hendaklah dibasuh dengan sebersih-bersihnya dan disejukkan sebelum dibungkus. Tentukan keadaan kawasan sentiasa berada dalam keadaan bersih. Puyuh-puyuh yang telah siap dibungkus hendaklah disimpan kedalam peti sejuk untuk dijualkan.



*Contoh daging puyuh yang siap diproses
dan bersedia untuk dipasarkan*

3.12 Penyimpanan Rekod

Penyimpanan rekod pemeliharaan adalah penting bagi pengusaha untuk menganalisis kejayaan atau kegagalan penternakan. Rekod membantu pengusaha mengenal pasti kelemahan pengurusan dan tindakan serta merta boleh diambil apabila mendapati masalah.

3.13 Jenis dan Kawalan Penyakit

Sanitasi

Untuk menjaga dari timbulnya penyakit pada puyuh kebersihan kawasan lingkungan kandang dan vaksinasi terhadap puyuh perlu dilakukan sekerap mungkin.

Pengawalan Penyakit

Pengawalan penyakit dilakukan setiap saat dan apabila ada tanda-tanda yang kurang sihat terhadap puyuh harus segera dilakukan tindakan yang sesuai dengan petunjuk doktor haiwan penternakan setempat atau petunjuk dari *Poultry Shoup*.

Pemberian Vaksin dan Ubat

Pada umur 4-7 hari puyuh di vaksinasi dengan dos separuh dari dos untuk ayam. Vaksin dapat diberikan melalui titis mata (*intra okuler*) atau air minum (*peroral*). Pemberian ubat perlu segera dilakukan apabila terdapatnya gejala-gejala menghadapi penyakit atau sakit.

Jenis Penyakit

- **Radang usus (*Quail enteritis*)**

Penyebab: bakteria anerobik yang membentuk spora dan menyerang usus, sehingga timbul masalah radangan pada usus.

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Gejala: puyuh kelihatan lesu, mata tertutup, bulu kelihatan kusam, kotoran berair..

Pengendalian: memperbaiki tata laksana pemeliharaan, serta memisahkan burung puyuh yang sehat dari yang telah terinfeksi.

- **Tetelo** (*NCD/New Casstle Disease*)

Gejala: puyuh sukar bernafas, batuk-batuk, bersin, lesu, mata layu, sayap terkulai, kadang-kadang berdarah, tinja kehijauan yang spesifik dengan adanya gejala "*tortikolis*" iaitu kepala memutar-mutar tidak menentu dan lumpuh.

Pengendalian: (1) menjaga kebersihan lingkungan dan peralatan yang tercemar virus, binatang vektor penyakit tetelo, puyuh yang mati segera dibakar/dibuang; (2) pisahkan puyuh yang sakit, menchalang pelawat atau pekerja masuk ke kawasan penternakan tanpa baju yang telah di sterilkan serta melakukan vaksinasi NCD. Buat masa sekarang vaksin bagi menghalang penyakit ini masih belum dikenalpasti.

- **Berak putih** (*Pullorum*)

Penyebab: Kuman *Salmonella pullorum* dan merupakan penyakit yang mudah menular.

Gejala: kotoran berwarna putih, nafsu makan hilang, sesak nafas, bulu-bulu mengerut dan sayap lemah terkulai.

Pengendalian: sama dengan pengendalian penyakit tetelo.

▪ **Berak darah** (***Coccidiosis***)

Gejala: tinja berdarah, nafsu makan kurang, sayap terkulai, bulu kusam menggigil kedinginan.

Pengendalian: (1) menjaga kebersihan kawasan lingkungan, menjaga *litter* tetap kering; (2) dengan *Tetra Chloine Capsule* diberikan melalui mulut; Noxal, Trisula Zuco tablet dilarutkan dalam air minum atau sulfaqui moxaline, amprolium, cxaldayocox

▪ **Cacar Unggas** (***Fowl Pox***)

Penyebab: Poxvirus, menyerang semua jenis unggas dari semua peringkat umur dan jenis jantina.

Gejala: timbulnya kudis pada kulit yang tidak berbulu, seperti pial, kaki, mulut dan farink yang apabila dibuang akan mengeluarkan darah.

Pengendalian: vaksin dipteria dan mengasingkan kandang atau puyuh yang terkena jangkitan.

▪ ***Quail*** ***Bronchitis***

Penyebab: *Quail bronchitis virus* (adenovirus) yang bersifat sangat mudah menular.

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Gejala: puyuh kelihatan lesu, bulu kusam, gementar, susah bernafas, batuk dan bersin, mata dan hidung kadang-kadang mengeluarkan lendir serta kadangkala kepala dan leher agak bengkok.

Pengendalian: pemberian makanan yang bergizi seimbang dengan sanitasi yang mencukupi.

- ***Aspergillosis***

Penyebab: cendawan *Aspergillus fumigatus*.

Gejala: Puyuh mengalami gangguan pernafasan, mata terbentuk lapisan putih menyerupai keju, mengantuk, nafsu makan berkurang.

Pengendalian: memperbaiki sanitasi kandang dan lingkungan kawasan sekitarnya.

- **Cacing**

Penyebab: sanitasi yang buruk.

Gejala: puyuh tampak kurus, lesu dan lemah.

Pengendalian: menjaga kebersihan kandang dan pemberian makanan yang terjaga kebersihannya.

3.14 Pengurusan Lain

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Puyuh yang mati perlu dikeluarkan setiap hari dan dimusnahkan. Elakkan gangguan dari ternakan lain dikawasan penternakan puyuh dan kemasukan orang yang tidak berkenaan ke dalam bangsal.

Membenteras penyakit yang paling berkesan adalah dengan pengawalan. Menjaga kebersihan kawasan dan bangsal perlu sentiasa diberi tumpuan. Jika berlaku penyakit, pengusaha dinasihatkan untuk berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau Doktor Veterinar untuk mendapatkan nasihat. Apabila menggunakan ubatan, pemberian hendaklah mengikut kadar yang disyorkan. Pengusaha perlu menjaga keperluan kegunaan ubatan termasuk '*withdrawal period*' sebelum puyuh diproses.

BAB 4

PEMASARAN

4.0 Strategi Pemasaran

Terdapat empat faktor yang penting yang perlu dilakukan oleh penternak di dalam urusan perniagaan. Antara lain, faktor-faktor ini lebih dikenali sebagai komponen pemasaran '4P' iaitu:

1. Tempat/Lokasi

- Menguntungkan jika berdekatan dengan kawasan pasaran
- Tiada masalah kemudahan air dan elektrik
- Dapat mengkaji persaingan di antara penternak dan potensi pasaran
- Ada kemudahan peti sejuk dan mesin memproses

2. Produk

- Boleh dijual dalam bentuk hidup dan telah diproses

3. Harga

- Harga berbeza mengikut kawasan, pasar, restoran, hotel dan lain-lain
- Rangkaian pasaran biasanya ialah *penternak, pemborong, peruncit dan pengguna*. Setiap proses ini akan mempengaruhi harga jualan. Untuk mendapatkan harga yang tinggi, penternak perlu mengurangkan rangkaian ini.

4. Promosi


- Boleh dilakukan melalui media cetak dan sebagainya bertujuan memberitahu barangan yang hendak dijual.

Untuk menggalakkan perkembangan industri ternakan puyuh pedaging, promosi perlu dijalankan untuk mendedahkan pengguna kepada khasiat dan keenakan daging puyuh. Jabatan Perkhidmatan Haiwan melalui negeri-negeri dan FAMA sering mengadakan

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

promosi daging puyuh bagi tujuan tersebut. Pengguna telah didedahkan kepada khasiat dan keenakan daging puyuh. Sambutan yang menggalakan dari pengguna menunjukkan puyuh boleh diterima. Penyebaran promosi masih lagi terhad kepada pengguna dibandar. Walaubagaimanapun, pengusaha puyuh pedaging perlu juga memainkan peranan untuk mencapai pengambilan daging puyuh ketahap yang lebih tinggi.

4.1 Saluran Pemasaran



4.2 Jenis Produk Terbitan Puyuh

1. Puyuh Proses

Di dalam penternakan puyuh, penjualan dari ladang adalah dalam bentuk bersih diproses. Kebanyakan pengusaha puyuh pedaging mempunyai kemudahan pemprosesan. Penjualan puyuh ada beberapa bentuk mengikut negeri/kawasan penternakan.

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Penjualan secara seekor adalah paling popular di kebanyakan negeri. Puyuh-puyuh proses dijual mengikut ekor dan ada beberapa gred puyuh. Gred puyuh tidak seragam untuk kebanyakan pengusaha. Negeri Kelantan, Pahang, dan Kedah menjual mengikut berat sekilogram.

*Contoh daging puyuh yang telah
diproses dan disejuk bekukan*

Rajah di bawah menunjukkan gred dan harga jualan yang diamalkan mengikut negeri. Puyuh proses biasanya dijual kepada peniaga-peniaga restoran, pasar malam dan pasaraya.

Gred dan Harga Puyuh Mengikut Negeri (1998)

Negeri	Gred	Harga
Kedah	A(150 - 180 gm/ekor)	9.5 / kg
	B (kurang dari 150 gm/ekor)	9.0/ kg 8.7 /kg

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Perak	Borong	1.60 / ekor
Selangor	A (minima 2.0 kg / 10 ekor)	2.00 / ekor
	B (minima 1.6 kg / 10 ekor)	1.70 / ekor
	C (minima 1.45 kg / 10 ekor)	1.50 / ekor
Negeri Sembilan	A (melebihi 1.5 kg / 10 ekor)	1.75 / ekor
	B (1.30 - 1.45 kg / 10 ekor)	1.60 / ekor
	C (1.00 - 1.20 kg / 10 ekor)	1.10 / ekor
Johor	AA (melebihi 190 gm / ekor)	2.10 / ekor
	A (170 - 190 gm / ekor)	1.90 / ekor
	B (150 - 170 gm / ekor)	1.70 / ekor
Terengganu	1.10 - 1.20 gm / ekor	1.50 - 1.60 / ekor atau 12.00 / kg
Kelantan	100 gm / ekor	12.00 / kg
	110 gm / ekor	13.00 / kg
	160 gm / ekor	18.00 / kg
	180 gm / ekor	20.00 / kg

2. Puyuh Goreng

Puyuh pedaging untuk dimakan yang sangat popular adalah dalam bentuk goreng. Boleh dikatakan peratusan yang tinggi puyuh dijual dalam bentuk ini yang banyak terdapat di pasar malam, pasar

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

tani, warung dan restoran. Harga yang dikenakan tidak menentu dan mengikut kawasan pasaran. Sebagai contoh, dibandar Johor Bahru seekor puyuh goreng berharga RM2.50 - RM3.00/ekor. Walaubagaimanapun ada juga terdapat puyuh dijual dalam bentuk masakan lain di restoran.

4.3 Piawaian Puyuh Pedaging

Berat Hidup (Purata Jantan dan Betina)

1 hari	10 gram
--------	---------

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

7 hari	40 gram
14 hari	90 gram
21 hari	160 gram
28 hari	220 gram
35 hari	270 gram
42 hari	290 gram

Kadar Penukaran Makanan

7 hari	1.07
14 hari	1.58
21 hari	1.89
28 hari	2.18
35 hari	2.64
42 hari	3.03

Kadar Kematian (Kumulatif)

7 hari	1.07 - 1.90
--------	-------------

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

14 hari	1.58 - 2.90
21 hari	1.89 - 3.90
28 hari	2.18 - 4.90
35 hari	2.64 - 5.90
42 hari	3.03 - 6.50

BAB 5

ANALISIS KEWANGAN DAN KEPEKAAN

5.1 Kos Tetap

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Kos modal awal merupakan kos alatan-alatan yang diperlukan bagi menjalankan sesuatu projek. Dalam memulakan projek ternakan puyuh kami, beberapa kos pelaburan awal akan terlibat. Antara kos-kos tersebut ialah:

a) Kos pembinaan pejabat, stor, reban dan bangsal pemprosesan

Pembinaan pejabat adalah penting untuk memudahkan kami menjalankan aktiviti pentadbiran. Ini akan menjadikan urusan pentadbiran lebih cekap. Segala rekod mengenai perniagaan kami seperti pembelian dan penjualan daging puyuh dan sebagainya disimpan di sini. Kami juga mempunyai satu stor untuk menyimpan segala peralatan yang digunakan termasuk makanan untuk puyuh. Bangsal pemprosesan pula merupakan tempat dimana kami akan memproses burung-burung puyuh sebelum dijual. Di sini juga aktiviti penyembelihan puyuh dilakukan. Kami mempunyai lima buah reban untuk menampung anak-anak puyuh kami. Dua reban kami gunakan untuk peringkat perindukan dan tiga reban lagi untuk peringkat pembesaran. Dalam reban tersebut kami membina sangkar untuk memudahkan pengurusan.kos untuk keseluruhan reban termasuk sangkar, palung makanan dan minuman adalah sebanyak RM 132,100. Ini menjadikan kos keseluruhan untuk membina pejabat, stor, reban dan bangsal pemprosesan ini adalah sebanyak RM 151,900.

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

b) Kos peralatan

Kos ini melibatkan pembelian peralatan atau mesin yang akan kami gunakan untuk menjalankan perniagaan kami. Kami membeli sebuah generator yang berharga RM 25,000, dua buah van kecil yang berharga RM 30,000 setiap satu dan juga dua buah peti sejuk yang berharga RM 6,000 setiap satu.

5.2 Kos Operasi Berulang

a) kos pembelian anak puyuh

Kami membeli anak puyuh daripada pengedar yang berhampiran. Kos untuk seekor anak puyuh adalah RM 0.45 seekor. Kami membeli anak puyuh sebanyak 50,000 ekor sebanyak enam kali setahun.

BULAN	JUMLAH BELIAN	JUMLAH KOS
Januari	50,000	RM 22,500
Febuari	-	

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Mac	50,000	RM 22,500
April	-	
Mei	50,000	RM 22,500
Jun	-	
Julai	50,000	RM 22,500
Ogos	-	
September	50,000	RM 22,500
Oktober	-	
November	50,000	RM 22,500
Disember	-	
Jumlah	300,000	RM 135,000

b) kos makanan, ubatan dan bahan kimia

Jenis makanan yang boleh digunakan ialah:-

- A. Quail Starter Mash serta Quail Finisher Pellet atau
- B. Broiler Starter Mash atau Broiler Starter Crumblers atau
Broiler Finisher Pellet

Kami menggunakan makanan dari jenis Quail Starter Mash serta Quail Finisher Pellet. Kos untuk makanan adalah sebanyak RM 200,000 setahun. Bagi ubat-ubatan dan bahan kimia kami membelanjakan sebanyak RM 7,000 setahun.

c) kos operasi

Antara kos operasi yang terbabit ialah kos utility seperti bil air, elektrik, telefon, dan bahan bakar yang menelan belanja sebanyak RM 11,000 setahun. Kami juga menyewa tanah seluas tiga ekar sebanyak RM 7,800 setahun. Disamping itu juga kami memperuntukkan RM 3,000 setahun untuk kes-kes kecemasan.

5.3 Kos Am

a) Kos Pengurusan

Kami mengupah seorang pengurus untuk menguruskan segala urusan pentadbiran dan kewangan syarikat. Pengurus juga terbabit dalam urusan memasarkan daging puyuh kami. Selain itu beliau dibantu oleh tiga orang pembantu ladang. Tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh pembantu ladang seperti memberi makan, membersihkan reban/sangkar dan segala urusan yang berlaku di ladang ternakan kami. Kami juga mempunyai dua orang pemandu yang akan menghantar daging puyuh kami ke pasaran. Selain itu kami juga mengambil pekerja kontrak untuk mempercepatkan proses semasa proses penyembelihan dan pembungkusan daging puyuh. Gaji permulaan yang kami beri kepada pengurus adalah RM 1,200 dengan kenaikan tahunan sebanyak RM 600 setahun. Gaji permulaan untuk pekerja buruh pula ialah sebanyak RM 500 seorang dengan kenaikan tahunan sebanyak RM 240

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

setahun. Bagi pemandu pula gaji seorang pemandu ialah RM 600 seorang dengan kenaikan tahunan sebanyak RM 360 setahun. Pekerja kontrak pula kami akan membayar kepada seorang mandor. Kami membayar sebanyak RM 9,000 setahun. Untuk kebajikan pekerja kami memperuntukkan sebanyak 13% daripada gaji asas mereka untuk dimasukkan ke dalam KWSP/SOCSO. Kami juga memberi aluan perubatan sebanyak RM 30 seorang bagi tiap-tiap bulan.

5.4 Pendapatan

Kami menjual daging burung puyuh yang telah diproses pada harga RM9.50 sekilogram.

Selain itu kami turut menjual tahi burung puyuh pada harga RM 2.40 sebeg. Kami mengandaikan kadar kematian adalah sebanyak 10% setahun. Ini bermakna kami boleh menjual sebanyak 270,000 ekor setahun. Berat seekor burung puyuh yang kami jual adalah 190g. Setahun kami boleh menjual sebanyak 51,300 kg dan menghasilkan pendapatan sebanyak RM 487,350 setahun.

Hasil penjualan tahi puyuh pula kami jangkakan pendapatan sebanyak RM 6,000 setahun

5.5 Pembiayaan/Pinjaman

Bagi menjalankan projek ini, pinjaman yang dipohon untuk membiayai projek ini ialah daripada Bank Pertanian Malaysia di bawah

skim Pinjaman Tabung Untuk Makanan (Fund For Food). Dengan skim ini, kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 3.75% setahun dan tempoh maksimum untuk bayaran balik pinjaman adalah selama 8 tahun bermula dari tarikh pengeluaran wang pertama. Jumlah pinjama bagi projek ini ialah 70% daripada kos projek. Untuk bayaran balik projek mula membayar semula pinjaman pada tahun keenam memandangkan tempoh bayar balik projek adalah 5 tahun 2 bulan.

5.6 Analisis Kewangan

Analisis kewangan adalah penting kerana ia bertindak sebagai alat pengukur untuk mengetahui samaada sesuatu projek berdaya maju atau tidak. Ia juga menggambarkan kedudukan kewangan sesuatu perniagaan. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan. Antaranya ialah:

- Nilai Kini Bersih
- Kadar Pulangan Dalaman (IRR)
- Nisbah Kos Faedah
- Titik Pulang Modal

5.4.1 Nilai Kini Bersih

Dengan mengandaikan kadar diskaun sebanyak 7% dan projek berjalan selama 10 tahun nilai kini bersih yang kami perolehi

ialah RM 120,606. Ini menunjukkan bahawa projek kami adalah berdaya maju.

5.4.2 Kadar Pulangan Dalaman

Projek kami mencatatkan kadar pulangan dalaman sebanyak 17% sepanjang sepuluh tahun kami menjalankan perniagaan. Ini sekali lagi menunjukkan bahawa syarikat kami berdaya maju.

5.7 Ujian Kepekaan

Ujian kepekaan adalah satu kaedah yang digunakan dengan mengandaikan kenaikan atau penurunan dalam harga, hasil jualan, dan juga kos. Dalam perniagaan kami apabila harga turun sebanyak 10% ini akan mengakibatkan projek kami kerugian dengan nilai kini bersih (NPV) sebanyak RM-221,689. Ini menunjukkan perniagaan kami adalah sangat peka terhadap penurunan harga. Selain itu apabila kami menurunkan hasil jualan akibat peningkatan kadar kematian sebanyak 10%, sekali lagi syarikat kami mengalami kerugian dengan nilai kini bersih (NPV) sebanyak RM-259,721. Maka kami perlu sentiasa menjaga kesihatan puyuh kami untuk mengelakkan kadar kematian yang tinggi.

5.8 JADUAL-JADUAL ANALISIS KEWANGAN SYARIKAT

Perkara/Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Input	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000
Kadar Kematian	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%
Bil Kematian	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000
Output (ekor)	270,000	270,000	270,000	270,000	270,000	270,000	270,000	270,000	270,000	270,000
Output(kg)	51,300	51,300	51,300	51,300	51,300	51,300	51,300	51,300	51,300	51,300

Jadual I: Aliran Fizikal Ternakan

Bayaran Upah	Bil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Pengurus	1	14,400	15,000	15,600	16,200	16,800	17,400	18,000	18,600	19,200	19,800
Buruh	3	18,000	18,720	19,440	20,160	20,880	21,600	22,320	23,040	23,760	24,480
Buruh Kontrak	5	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000
Pemandu	2	14,400	15,120	15,840	16,560	17,280	18,000	18,720	19,440	20,160	20,880
KWSP dan SOCSO (13%)		6,084	6,349	6,614	6,880	7,145	7,410	7,675	7,940	8,206	8,471
Perubatan		2,160	2,160	2,160	2,160	2,160	2,160	2,160	2,160	2,160	2,160
Jumlah		64,044	66,349	68,654	70,960	73,265	75,570	77,875	80,180	82,486	84,791

Jadual II: Jadual Pendapatan Buruh

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Kos Modal	Bil	Harga Seunit	Jumlah Harga	Usia Guna	Skrap(%)	Susutnilai Tahunan	Nilai Skrap (RM)	Nilai Baki(RM)
Reban 50X50 ka persegi	5	12,500	62,500	10	0	6,250	0	0
Peti Sejuk	2	6,000	12,000	5	10	2,160	1,200	1,200
Sangkar Perindukan (50 sangkar 4 tingkat 2'x4'x8')@RM70/tingkat	50	280	14,000	10	0	1,400	0	0
Sangkar membesar (100 sangkar 5 tingkat 3'x1.5'x8')@RM70/tingkat	100	350	35,000	10	0	3,500	0	0
Palung Makanan Anak (400 palung @ RM25/Palung)	400	25	10,000	5	0	2,000	0	0
Palung Makanan Pembesaran (50 buah,30 kaki@RM3/ka)	50	90	4,500	5	0	900	0	0
Peralatan Minum Anak (400 botol 0.5 gelen @RM4/ unit)	400	4	1,600	5	0	320	0	0
Peralatan Minum Pembesaran (50 buah, 30 ka @ RM3/ ka)	50	90	4,500	5	0	900	0	0
Pendawaian Elektrik		4,000	4,000	10	5	380	200	200
Kemudahan Air		3,000	3,000	10	0	300	0	0
Kenderaan Van	2	30,000	60,000	10	10	5,400	6,000	6,000
Bangsai Pemprosesan	1	4,800	4,800	10	15	408	720	720
Mesin Pemprosesan	3	600	1,800	5	0	360	0	0
Generator	1	25,000	25,000	10	10	2,250	2,500	2,500
Pejabat dan Stor Makanan	1	15,000	15,000	10	5	1,425	750	750
Jumlah			257,700					11,370

Jadual III: Jadual Susutnilai dan Nilai Baki

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Perkara/Tahun	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Hasil (9.50/kg)		487,350	487,350	487,350	487,350	487,350	487,350	487,350	487,350	487,350	487,350
Tinja (2.40/beg)		6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000
Nilai Baki						1,200					11,370
AWTM		493,350	493,350	493,350	493,350	494,550	493,350	493,350	493,350	493,350	504,720
Kos Permulaan	257,700					34,400					
Kos Buruh		64,044	66,349	68,654	70,960	73,265	75,570	77,875	80,180	82,486	84,791
Anak Puyuh (RM0.45/ekor)		135,000	135,000	135,000	135,000	135,000	135,000	135,000	135,000	135,000	135,000
Makanan Puyuh		200,000	200,000	200,000	200,000	200,000	200,000	200,000	200,000	200,000	200,000
Utiliti (bahan api,elektrik,air,telefon)		11,000	11,000	11,000	11,000	11,000	11,000	11,000	11,000	11,000	11,000
Ubat dan Bahan Kimia		7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000
Sewa Tapak (3 ekar)		7,800	7,800	7,800	7,800	7,800	7,800	7,800	7,800	7,800	7,800
Lain-lain		3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
AWTK	-257,700	427,844	430,149	432,454	434,760	471,465	439,370	441,675	443,980	446,286	448,591
AWTB	-257,700	65,506	63,201	60,896	58,590	23,085	53,980	51,675	49,370	47,064	56,129
NKAWTB(7%)	-257,700	61,221	55,202	49,709	44,698	16,459	35,969	32,180	28,734	25,600	28,533
Kumulatif	-257,700	-196,479	-141,277	-91,568	-46,870	-30,411	5,558	37,739	66,472	92,072	120,606

Jadual IV: Jadual Aliran Wang Tunai

NPV
\$120,605.63

IRR
17%

Nisbah Faedah:Kos
1.46

Tempoh bayar
balik
5 tahun 2 bulan

Analisis kepekaan	NPV
Apabila kadar kematian meningkat 10%	-259,721
Apabila harga turun 10%	-221,689

TITIK PULANG MODAL

33,241.15 kg/tahun atau 174,953 ekor/tahun

KESIMPULAN

Penternakan burung puyuh pedaging merupakan projek pertanian yang sangat menguntungkan, mempunyai nilai kompetitif yang tinggi, pasarannya masih belum dirokai dengan lebih meluas lagi dan sangat sesuai untuk di bangunkan terutamanya di Malaysia. Kepentingan untuk mendalami bidang ini dengan lebih terperinci dan mencapai matlamat perniagaan, amatlah perlu supaya para usahawan atau penternak mempunyai pengetahuan asas dalam bidang yang mereka ceburi. Tanpa pengetahuan asas, segala perjalanan proses penternakan akan menemui jalan buntu lantaran mengundang risiko kerugian yang besar pada masa akan datang.

Bidang ini berpotensi besar dan ia mampu mendatangkan pulangan lumayan sekiranya dilaksanakan dengan baik dan terancang. Ini adalah kerana menternak burung puyuh daging tidak memerlukan kos yang tinggi kerana apa yang penting sekali ialah mengetahui cara yang lebih baik dan sempurna. Malah ia mampu memberikan pulangan lumayan sekiranya proses menjalankannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan termasuk memberi penekanan terhadap proses pembiakan, pemakanan, lokasi ladang, reban, kawalan penyakit dan sebagainya.

LAMPIRAN

Senarai Pengusaha Puyuh Baka/ Bekalan Anak Puyuh

Nama	Alamat	Telefon
Ishak bin Zainon	Bt.17, Jalan Naka 06760 Pokok Sena Kedah	04-7821605
Shahridzo bin Md Eunoz	d/a Ladang Infoternak Jabatan Haiwan Negeri Perak 31100 Sg. Siput (U) Perak	05-8914706
Mohd Fauzi bin Mohd Yusof	d/a Ladang Infoternak Jabatan Haiwan Negeri Perak 31100 Sg. Siput (U) Perak	05-8914706
Ruzlan bin Othman	No.30, Jalan Kubur Kg Cherang Lali 17500 Tanah Merah Kelantan	09-9556524

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Muhamad Kama bin Mohd Amin	Jalan Pengkalan Baru Kg. Jeram 21200 ManurKuala Terengganu	09-6151776
Azri bin Haron	Kg Bayas Ulu Melaka 07000 Langkawi Kedah	04-9652387
Jamaludun bin Ali	Lot 278, Kg Bahru 27000 Jerantut Pahang	09-2671018

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

Nama	Alamat	Telefon
Shahridzo bin Md Eunoz	d/a Ladang Infoternak Jabatan Haiwan Negeri Perak 31100 Sg. Siput (U) Perak	05-8914706
Mohd Fauzi bin Mohd Yusof	d/a Ladang Infoternak Jabatan Haiwan Negeri Perak 31100 Sg. Siput (U) Perak	05-8914706
Ruzlan bin Othman	No.30, Jalan Kubur Kg Cherang Lali 17500 Tanah Merah Kelantan	09-9556524
Muhamad Kama bin Mohd Amin	Jalan Pengkalan Baru Kg. Jeram 21200 Manur Kuala Terengganu	09-6151776
Azri bin Haron	Kg Bayas Ulu Melaka 07000 Langkawi Kedah	04-9652387
Jamaludun bin Ali	Lot 278, Kg Bahru	09-2671018

SYARIKAT PUYUH JAYA SDN. BHD.

	27000 Jerantut Pahang	
Nasiman bin Kassan	Jalan Nasiman, Kg. SC Sg. Tiram, Johor Bahru	
Harun/Idris bin Baba	Kg. Pengkalan Pauh, 78100 Lubok China, Melaka	06 - 6967981
Hj. Daud Muhamad	Jalan Lubok Rotan 17500 Tanah Merah, Kelantan	

Senarai Pengusaha Bekalan Puyuh Proses

Piawaian Puyuh Pedaging

Berat Hidup (Purata Jantan dan Betina)

1 hari	10 gram
7 hari	40 gram
14 hari	90 gram
21 hari	160 gram
28 hari	220 gram
35 hari	270 gram
42 hari	290 gram

Kadar Penukaran Makanan

7 hari	1.07
14 hari	1.58
21 hari	1.89
28 hari	2.18
35 hari	2.64
42 hari	3.03

Kadar Kematian (Kumulatif)

7 hari	1.07 - 1.90
14 hari	1.58 - 2.90
21 hari	1.89 - 3.90
28 hari	2.18 - 4.90
35 hari	2.64 - 5.90
42 hari	3.03 - 6.50

BIBLIOGRAFI

1. Boone & Kurt, 2004, Cotemporary Marketing, Southern-Wsstern
2. www.jph.gov.my
3. Majalah Pertanian
4. Pejabat MARDI Kedah
5. Laman Web MARDI
6. Marketing, Philip Kotler, 2003